

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI  
(TENOM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.11.2016**

**Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak kepada ekonomi negara apabila Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan penanda aras rujukan pinjaman, kadar dasar semalam (OPR) pada 3 peratus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) pada 13 Julai 2016 memutuskan untuk menurunkan Kadar Dasar Semalam (*Overnight Policy Rate, OPR*) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Mesyuarat MPC yang berikutnya pada September 2016 pula memutuskan untuk mengekalkan kadar OPR berkenaan.

Pelarasannya bertujuan memastikan ekonomi domestik kekal kukuh di samping inflasi yang stabil serta disokong oleh perantaraan kewangan yang cekap.

2. Pada amnya, keputusan dasar monetari dibuat berdasarkan pertimbangan teliti imbalan risiko terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri untuk jangka masa sederhana. Keputusan dasar ini amat penting demi memastikan kedudukan ekonomi negara terus mencatat pertumbuhan yang mapan. Selain itu, inflasi yang stabil turut membantu meningkatkan kebajikan rakyat dengan lebih progresif.
3. Selaras dengan objektif Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengekalkan kestabilan harga dan perkembangan ekonomi, kadar semasa OPR ditentukan berdasarkan pendirian dasar monetari untuk menyokong aktiviti ekonomi negara. Kadar ini juga ditentukan berdasarkan kepada maklumat terkini dengan memastikan risiko ketidakseimbangan kewangan adalah terkawal.
4. Melangkah ke hadapan, dasar monetari akan terus bergantung kepada penilaian BNM berdasarkan data dan maklumat terkini, serta implikasinya terhadap prospek kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi pada jangka masa sederhana.